

KEPENTINGAN KESELAMATAN DAN STRATEGI KONTRAKTOR
UTAMA (KELAS) DALAM MENINGKATKAN KESELAMATAN DI
TAPAK BINA

EZLISUHANA BINTI MOHD RAZALI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2011

PENGHARGAAN

*Assalamualaikum w.b.t....salam pembuka bicara,
Pertama sekali syukur Alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana
dengan izinnya dapat saya menyiapkan kajian ini.*

*Ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia, Dr. Sarajul Fikri Bin Mohamed di
atas tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan sepanjang proses penyediaan
kajian ini.*

*Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada pihak-pihak responden dan
individu-individu yang terlibat secara langsung dalam menyiapkan kajian ini.*

Kepada Emak dan Abah..

Pn.Safiah bt Abd Hamid dan Encik Mohd Razali bin Latiff,

*Terima kasih yang tidak terhingga kerana sentiasa memberi sokongan yang
amat membantu. Terima kasih juga kerana sentiasa berada di sisi anakmu ini
ketika susah dan senang. Doa dan harapan kalian kunci kejayaan saya hari ini
dan masa hadapan. Tak lupa juga kepada abang-abang dan adik-adik, terima
kasih di atas sokongan kalian semua.*

*Kepada rakan-rakan seperjuangan, kalian tidak akan saya lupakan. Kenangan
bersama terus tersemat di dalam hati. Semoga persahabatan ini berkekalan
sampai ke akhir hayat.*

Tulus ikhlas,

EZLISUHANA BINTI MOHD RAZALI

ABSTRAK

Sektor pembinaan merupakan salah sebuah sektor yang banyak memberikan sumbangan kepada kepesatan ekonomi negara di samping meningkatkan imej negara Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan sedang pesat membangun setanding dengan negara-negara maju yang lain di dunia ini. Namun begitu, kemalangan yang sering terjadi di kawasan tapak bina masih tidak dapat dibendung sepenuhnya. Keselamatan di tapak bina adalah perkara yang penting dan perlu diberi perhatian yang serius kerana ianya memberikan kesan yang besar kepada projek tersebut dan secara tidak langsung akan memberikan impak kepada pihak yang terlibat dalam projek tersebut terutama kontraktor utama. Oleh itu, pihak kontraktor harus mengambil langkah yang strategik bagi mengatasi masalah keselamatan di tapak bina masing-masing agar kadar kemalangan dapat dikurangkan. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti kepentingan keselamatan tapak bina dari aspek perundangan dan kos dan mengenalpasti strategi kontraktor utama dalam memastikan keselamatan pekerja di tapak bina dipertingkatkan. Bagi mencapai objektif tersebut, pihak responden adalah terdiri daripada pihak kontraktor kelas A yang mempunyai sijil ISO. Kajian ini tertumpu kepada pihak kontraktor yang berada di sekitar Negeri Kelantan dan Johor , dimana 120 set borang soal selidik telah diedarkan. Kajian ini mendapati bahawa keselamatan di tapak bina adalah penting bagi menjaga kebajikan pekerja kerana pekerja adalah aset yang penting bagi sesebuah projek pembinaan. Oleh itu pihak kontraktor perlu mengatur strategi bagi mengurangkan kadar kemalangan di tapak bina bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan undang-undang dan menanggung kos yang berpunca daripada kemalangan.

ABSTRACT

The construction sector is one of the sectors that contribute to the national economic growth and to improve the image of Malaysia in line with other developed countries in the world. However, accidents occur on site is still not overcome. Safety at construction sites is an important matter and should be given serious attention because it gives a great impact on the project and will indirectly affect those who involved in the project, especially the main contractor. Therefore, the contractor must take strategic steps to address safety problems at construction sites for to reduce the respective accident rates. The objective of this study is to determine the importance of site safety and cost in terms of legislation and identify the key strategies in ensuring the improvement of the safety of contractors working on construction sites. To achieve these objectives, the respondents are class A contractor that has ISO certification. This study focused on the contractors in Kelantan and Johor area, where 120 sets of questionnaires are distributed. The study found that safety at construction sites is essential for the welfare of workers as employees are important assets for a construction project. Therefore, the contractor should set a strategy to reduce accidents at construction sites to avoid legal action and incur costs resulting from the accident.